

vi) Tesis, Dissertasi dan Latihan Imiah.

Adalah hasil penyelidikan dari pelajar-pelajar lanjutan untuk Ijazah Sarjana dan Kedoktoran. Bahan-bahan ini disimpan di Koleksi Simpanan Khas dan Koleksi Malaysiana. Sangat berguna untuk para penyelidik dan pelajar tahun akhir membuat rujukan.

Taipkan "dissertation" pada pencarian Tajuk Perkara. Kemudian pilih pusat pengajian yang dikehendaki untuk melihat senarai Tesis (Kedoktoran dan Sarjana). Taipkan pula "latihan ilmiah" pada pencarian Siri. Kemudian pilih pusat pengajian yang dikehendaki untuk melihat senarai Latihan Ilmiah (Projek pelajar Ijazah Pertama tahun akhir).

vii) Prosiding Persidangan, Seminar dan Bengkel

Bahan-bahan ini mengandungi maklumat yang terkini dan sangat berguna untuk para penyelidik dan pelajar lanjutan.

Taipkan nama Persidangan, Seminar atau Bengkel pada pencarian Judul dalam Krisalis.

Judul-judul artikel yang terdapat di dalam persidangan/seminar/bengkel tidak boleh disemak melalui Krisalis tetapi melalui Databases, CD-Net dan Electronic Journal di Laman Web Perpustakaan.

viii) Bahan Pandang Dengar (Media)

Adalah bahan-bahan bukan cetak seperti rakaman video, CD-ROM, Kit dan Carta. Terletak di Bahagian Media, PU I, tingkat 2.

ix) Maklumat Elektronik

Melalui laman web perpustakaan

<http://www.lib.usm.my>

Bahan-bahan ini termasuklah:-

a) Databases

Adalah pangkalan data yang dilanggan oleh perpustakaan USM seperti:-

ProQuest, EbscoHost, ScienceDirect, Springer Link, Engeneering Village, CD-Net. Maklumat sangat terkini dan sebahagiannya mengandungi teks penuh.

b) Electronic Journals

Perpustakaan ada melanggan jurnal ini dalam bentuk bercetak tetapi penerbitnya memberi juga dalam bentuk elektronik. Terdapat teks penuh dan isu-isu beberapa tahun yang lepas hingga terkini.

International journal of Intelligent Systems

Journal of Digital Information

c) Virtual Subject Libraries

Klik pada tajuk **Computer Science** dan anda akan disambungkan ke laman web lain yang berkaitan dengan Sains Komputer dalam Internet.

d) Inhouse Resources

Mengandungi Senarai Tesis dan Kertas Soalan Peperiksaan USM.

x) Mikroform

Bahan ini dari filem digunakan sebagai media penyimpan maklumat. Terdapat 2 bentuk iaitu mikrofilem dan mikrofis. Pengguna boleh mendapatkan bahan ini di Unit Pinjaman Antara Perpustakaan dan Reprografi, PU I, tingkat 1.

Book indexing by computer - Microfilm 570

xi) Penerbitan Kerajaan


Adalah penerbitan dari Jabatan Kerajaan seperti:- Bibliografi Negara Malaysia - Z3246.A2B582

xii) Keratan Akhbar

Terdapat di Kaunter Pertanyaan Rujukan dan Pencarian Maklumat, di tingkat 2. Tajuk yang berkaitan ialah Komputer, Teknologi Maklumat, dan MSC.

Panduan Subjek no. 3
Bahagian Rujukan dan Maklumat, No.
HAH/Jun 2002

PANDUAN KEPADA SUBJEK SAINS KOMPUTER



PERPUSTAKAAN UTAMA
KAMPUS INDUK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
11800 USM
PULAU PINANG

PANDUAN Mencari Bahan Maklumat Subjek Sains Komputer

Secara ringkas bahan-bahan maklumat untuk subjek Komputer di dalam perpustakaan boleh dicari seperti berikut:-

1. Nombor Pengkelasan

Pengkelasan subjek Sains Komputer mengikut Library of Congress Classification adalah seperti berikut:-

HF

- 5548.2 Office organization and management
- 5548.4 special computer, system, or programs
- 5548.4M527 - MS Windows
- 5548.4U53 - UNIX

QA

- 75.5-76.95 Electronic computers
Computer science
- QA76.73 Program language
- QA76.75-76.765 Computer software
- QA76.76P4 Operating system

TK

- 452-454.4 Electric apparatus and materials.
Electric circuits.
Electric networks
- 4001-4102 Applications of electric power
- 5101-6720 Telecommunication
Including telegraphy, telephone, radio,
radar, television
- 7800-8360 Electronics
- 7885-7895 Computer engineering
Computer hardware
- 8300-8360 Photoelectronic devices (General)

Lokasi penting adalah seperti berikut:-

a) Perpustakaan Utama 1

- Koleksi Bahasa Malaysia di tingkat 1
- Koleksi Majalah Kini, di tingkat 1
- Koleksi Simpanan Khas di tingkat 2
- Koleksi Bahagian Media di tingkat 2
- Koleksi Bahagian Rujukan di tingkat 3
- Koleksi Rak Terbuka di tingkat 3

b) Perpustakaan Utama 2

- Koleksi Rujukan di tingkat 1
- Koleksi Majalah Kini di tingkat 1
- Koleksi Malaysiana di tingkat 2
- Koleksi Rak Terbuka di tingkat 2

c) Perpustakaan Kejuruteraan (Transkrian)

Perpustakaan ini mempunyai koleksi bahan-bahan yang berkaitan khususnya dengan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

2. Krisalis

Pencarian sebenar bahan-bahan maklumat koleksi Perpustakaan untuk subjek Sains Komputer mestilah menggunakan Krisalis iaitu katalog secara talian. Ini kerana maklumat yang didapati adalah lebih lengkap dan menyeluruh.

Sila dapatkan brosur Panduan Krisalis di Kaunter Rujukan dan Maklumat untuk keterangan lanjut. Setiap tingkat Perpustakaan ada disediakan Krisalis.

Secara amnya maklumat subjek Sains Komputer boleh didapati melalui:-

i) Buku - Buku Teks

Mengandungi maklumat yang sejajar dengan kurikulum universiti untuk pengajaran dan pembelajaran. Maklumat tidak begitu terkini jika dibandingkan dengan majalah atau jurnal.

ii) Jurnal atau Majalah

Bahan-bahan ini menyediakan maklumat-maklumat yang terkini untuk bidang Sains Komputer. Sesuai sekali untuk penyelidikan. Judul jurnal/majalah boleh disemak melalui Krisalis di bawah Judul. Judul-judul artikel yang terdapat di dalam jurnal/majalah tidak boleh disemak melalui Krisalis tetapi melalui Databases, CD-Net dan Electronic E-journal di Laman Web Perpustakaan <http://www.lib.usm.my>

- SIAM Journal on Scientific Computing - QA276.A1S112
- Mathematical and Computer Modelling - QA402.M4261
- Computer Aided-Geometri Design - QA440.C738
- New Generation Computing - QA75.5.N532

iii) Buku Rujukan

- Bibliografi

Adalah senarai bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu subjek.

IFIP Bibliography - Z5640.I23 r

- Kamus

Menyediakan senarai istilah serta ertinya dan ejaan yang diterima pakai. Ini akan memudahkan pemahaman dan penulisan.

Istilah Komputer - QA76.15.I87 r

Dictionary of Computer Terms - QA76.15.P523

- Ensiklopedia

Mengandungi senarai istilah yang standard tetapi penerangan erti adalah lebih mendalam.

MacMillan Encyclopedia of Computers -

QA76.15.M167 rf

Encyclopedia of Computer Science -

QA76.15.E572 rf

iv) Indeks dan Abstrak

Mengandungi senarai artikel-artikel yang diterbitkan dalam sesuatu Jurnal/Majalah subjek Komputer.

Current Mathematical Publications - QA1.C976 a

Computing Reviews - QA76.A2C739 a

v) Paten dan Piawaian

Paten ialah dokumen yang didaftarkan bagi tujuan pengesahan hakcipta seseorang ke atas sesuatu ciptaan atau penemuan. Piawaian pula ialah suatu bentuk pengukuran, tahap kualiti dan lain-lain yang ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk dipatuhi oleh sesuatu pihak yang menghasilkan sesuatu barangan.

Perpustakaan USM Kejuruteraan di Transkrian mempunyai sedikit sahaja bahan-bahan ini. Sila menghubungi Sirim untuk koleksi yang lebih lengkap.

Malaysian Standards Catalogue - QC100.B8622

British Standard Catalogue - QC100.I591